



Komuniti berpagar bantu kurang jenayah

Penduduk, polis akui risiko keselamatan dapat dipantau dengan lebih rapi

KUALA LANGAT - Kebanyakan penduduk di daerah ini mengakui berdepan pelbagai cabaran untuk mewujudkan kediaman yang mempunyai konsep sistem kawalan keselamatan secara berpagar (gated) dan berpengawal (guarded).

Pengerusi Persatuan Penduduk Bandar Saujana Putra (BSP), Zaharuddin Ithnin berkata, masih ramai yang tidak menyedari kepentingan mengadakan sistem 'gated & guarded' biarpun sebenarnya banyak membantu mengurangkan kadar jenayah setempat.

Menurutnya, BSP adalah kawasan perumahan yang mempunyai sistem 'gated & guarded' dan keadaan keselamatan di perumahan tersebut lebih terkawal serta mudah dipantau.

"Bagi saya, ia lebih berkesan berbanding kawasan yang tak ada kawalan keselamatan dan tak berpagar."

"Penduduk di BSP amat beruntung apabila mempunyai sistem ini berbanding di taman perumahan yang sudah lama," katanya kepada Sinar Harian.

Jelas Zaharuddin, pemantauan di semua kawasan dikawal sepenuhnya dalam tempoh 24 jam dan jika berlaku sebarang kes jenayah pun tidak sampai tahap lima peratus.

Katanya, kebanyakan kawasan di BSP mempunyai sistem itu memandang ia kawasan baharu,



Sistem berpagar yang dibina oleh persatuan penduduk Taman Sijangkang Permai Fasa 2 membantu mengurangkan kes jenayah.

selain mempunyai penduduk yang kebanyakannya tiada di rumah kerana keluar bekerja.

Mengulas mengenai kes terkini di kawasan itu, dia memberitahu pada bulan ini hanya berlaku kehilangan sebuah motosikal di sebuah apartmen.

Katanya, kes seumpama itu jarang berlaku di kawasan berpagar dan tidak dinafikan kes-kes kecurian boleh dielakkan dengan cara meningkatkan keselamatan.

Inisiatif CCTV elak kes pecah rumah

Seorang penduduk di Taman Sijangkang Permai Fasa 2, Mohd Razali Zainuddin pula berkata, penduduk di kawasan itu pada awalnya merancang untuk mewujudkan sistem kawalan secara berpagar dan berpengawal, namun berdepan dengan pelbagai masalah termasuk kos



Mohamad Khairul mempengerusikan mesyuarat Kawasan Rukun Tetangga.

menggaji pengawal keselamatan.

Bagaimanapun, atas inisiatif penduduk, mereka memasang kamera litar tertutup (CCTV) sejak dua tahun lalu bagi menangani masalah pecah rumah yang berlaku di kawasan sekitar.

"Saya tak pasti syarat dan prosedur wujudkan sistem berpagar dan berpengawal memberi beban atau tak kerana di kawasan lain dikatakan perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT)."

"Bagaimanapun, persatuan kami hanya mewujudkan kawalan berpagar yang digunakan untuk menutup laluan belakang perumahan pada setiap hari bermula jam 10 malam hingga 6 pagi bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku," katanya.

Mohd Razali yakin satu hari nanti sistem berpagar mungkin boleh dilaksanakan di seluruh taman perumahan bagi mengelakkan berlakunya masalah sosial.

Sistem 'gated', 'guarded' ada beza

Bagi Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Daerah Kuala Langat,

mempunyai risiko iaitu persatuan penduduk mungkin berdepan masalah kutipan yuran bulanan untuk bayaran keselamatan terutama dari kalangan penduduk yang menyewa.

Katanya, isu ini bakal memberi kesan kepada persatuan dalam usaha mewujudkan sistem berkenaan, selain menjadikan penduduk kurang peka kepada persekitaran kerana berasa berada dalam zon selamat.

Kawasan 'gated and guarded' sifar jenayah

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendent Azizan Tukiman ketika dihubungi memberitahu, boleh dikatakan kawasan yang menjalankan sistem keselamatan berpagar dan berpengawal buat masa ini tidak mempunyai kes jenayah serius.

Beliau berkata, difahamkan hanya enam kawasan di Saujana Putra, satu di Sungai Jarum dan sebuah lagi kawasan di Banting melaksanakan sistem 'gated and guarded'.

"Saya akui sistem ini memang dapat turunkan indeks jenayah kerana dari segi keselamatan ia lebih terkawal."

"Bagi kawasan rumah yang tak berpagar dan tiada pengawal, memang kes jenayahnya dilihat lebih tinggi," katanya.

Azizan berkata, buat masa ini, pihaknya tidak pernah diminta memberi ulasan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam mereka meluluskan permohonan taman 'gated and guarded'.

Katanya, kuasa penuh meluluskan status kawasan perumahan berkonsep tersebut adalah di bawah pihak PBT.

MDKL terima 11 permohonan tidak lengkap

SEMENTARA itu melalui rekod Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), sebanyak 11 permohonan tidak lengkap diterima daripada 19 persatuan yang mempunyai kawasan berpagar.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, daripada jumlah itu, lapan kawasan perumahan termasuk Taman Changgang Jaya, Taman Topaz 3 dan Taman Seri Jaromas Rosa tidak membuat permohonan namun melaksanakan sistem



MOHAMAD ZAIN

berpagar.

"MDKL sebenarnya mengguna pakai Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bilangan 1 tahun 2016. Garis Panduan Skim Perumahan Berpengawal di Selangor."

"Sekiranya berlaku penolakan, mungkin disebabkan tidak mengikut Garis Panduan Skim Perumahan Berpengawal (Guarded Community) di Selangor," katanya.